




BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADА EKONOMI

RUJUKAN: 29 JUN – 1 JULAI 2021

BIL. 20 / 2021



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 1 Julai 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 688,260** atau 90.7 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **65,453 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **6,988 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **758,967 kes**. Penularan tempatan meliputi **98.6 peratus** atau **6,983 kes** daripada catatan harian dengan **75.5 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 5 kes**. Kawasan Lembah Klang mendominasi **kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 43.8 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (18.9 peratus), Zon Selatan (17.8 peratus), Zon Utara (11.5 peratus) dan Zon Pantai Timur (7.9 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Selangor** iaitu **2,885 kes** disusuli Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (988 kes), Negeri Sembilan (692 kes), Sarawak (544 kes), Melaka (311 kes) dan Johor (270 kes). Sejumlah **5,254 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **84 kematian terbaharu** sementara **rekod harian tertinggi kematian** adalah **126 kes** yang dicatatkan pada 2 Jun 2021.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 30 Jun 2021 menunjukkan seramai **5,774,667** telah **divaksinasi**. Diperingkat negeri, **Sarawak menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **1,070,727** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 1,022,085. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Selangor (954,199), Johor (450,271), Sabah (381,165), Perak (320,185), Pulau Pinang (296,279), Kedah (232,298) sementara Kelantan dan Pahang masing-masing merekodkan 213,631 dan 213,341. Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin telah mencapai **8,083,685** meliputi **5,774,667** penerima bagi **dos pertama** manakala **2,309,018** telah menerima **dos yang kedua**.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:
 - US: **Keyakinan pengguna US meningkat pada bulan Jun 2021 apabila rakyat US menjadi lebih optimis mengenai ekonomi dan pasaran pekerjaan.** Conference Board's Index meningkat kepada 127.3

daripada 120 pada Mei 2021. Pengguna juga menjangkakan inflasi akan meningkat pada tahun mendatang. Program vaksinasi yang semakin meningkat membolehkan ekonomi US dibuka semula dengan optimis bahawa ekonomi dan pasaran buruh semakin meningkat. Laporan itu menunjukkan peningkatan keyakinan mendorong peningkatan rancangan pelancongan, sesuai dengan peralihan ke arah peningkatan perbelanjaan untuk perkhidmatan yang akan membantu menggerakkan ekonomi. (Bloomberg)

- EU: **Keyakinan di zon Eropah mencatatkan indeks tertinggi dalam 21 tahun apabila ekonomi dibuka semula.** Keyakinan terhadap ekonomi zon Eropah meningkat ke tahap tertinggi dalam lebih dari dua dekad pada Jun 2021 apabila pembukaan semula kedai, restoran dan perkhidmatan lain mendorong pemulihian zon Eropah dari krisis pandemik. Indeks sentimen European Commission meningkat kepada 117.9. Kenaikan itu didorong oleh peningkatan keyakinan dalam perkhidmatan. Ekonomi zon Eropah pulih dengan cepat seiring penurunan kadar jangkitan dan sekatan pergerakan pandemik COVID-19 dihapuskan. (Bloomberg)
- EU: **Inflasi Germany perlahan tetapi tetap melebihi sasaran ECB pada bulan Jun 2021.** Inflasi harga pengguna (IHP) Germany perlahan pada bulan Jun 2021 tetapi tetap berada di atas sasaran ECB Harga pengguna meningkat 2.1% pada bulan Jun 2021, perlahan dari 2.4% pada bulan Mei 2021. IHP Germany perlahan kepada 2.3% bulan ke bulan pada bulan Jun 2021 daripada 2.5% pada Mei 2021. (Reuters)
- EU: **Kadar pengangguran France meningkat sedikit pada suku pertama 2021.** INSEE melaporkan kadar pengangguran France meningkat sedikit pada suku pertama 2021. Kadar pengangguran meningkat kepada 8.1% pada suku pertama 2021 dari 8% pada suku keempat 2020. Kadar pengangguran adalah 0.3 mata di atas tahap tahun sebelumnya, sebelum krisis kesihatan. Pada awal tahun 2021, kestabilan kadar pengangguran adalah hasil dari kestabilan kadar pekerjaan dan tingkah laku berterusan dari pasaran buruh, kerana krisis dan sekatan pergerakan yang berterusan. (RTT)
- INDIA: **Defisit belanjawan dilihat semakin meningkat akibat langkah pemulihan COVID-19.** Gelombang kedua jangkitan COVID-19 di India mendorong peningkatan perbelanjaan kerajaan bagi pencegahan COVID-19, ditambah dengan pendapatan yang melemah. Jurang defisit lebih besar daripada 7% kepada KDNK untuk tahun kewangan semasa. Kerajaan India menrysarkan defisit pada kadar 6.8%. (Bloomberg)
- US: **Jualan kediaman tertangguh meningkat pada bulan Mei 2021.** Perjanjian pembelian kediaman sekunder US meningkat paling banyak dalam jangka masa 11 bulan pada bulan Mei 2021. Peningkatan ini

didorong oleh penurunan kadar gadai janji dan juga peningkatan jumlah penyenaraian. National Realtors National (NAR) melaporkan Indeks Jualan Kediaman Tertunda, berdasarkan kontrak yang ditandatangani bulan lalu, meningkat 8.0% kepada 114.7. Penganalisis ekonomi telah meramalkan penjualan kediaman tertangguh akan menurun 0.8%. (Reuters)

- EU: **Inflasi bertumbuh di bawah 2% pada bulan Jun 2021.** Inflasi zon Eropah bertumbuh perlahan di bawah 2% pada bulan Jun 2021 apabila pertumbuhan tahunan harga tenaga perlahaan. Laporan dari EUROSTAT menunjukkan kadar inflasi bertumbuh pada 1.9% pada bulan Jun 2021 berbanding 2% pada bulan sebelumnya. (RTT)
- EU: **Penggunaan isi rumah France meningkat.** Penggunaan isi rumah France meningkat pada bulan Mei 2021 setelah mencatatkan penurunan pada bulan April 2021 yang disebabkan oleh *lockdown* ketiga untuk mengekang penyebaran wabak COVID-19. Laporan INSEE menunjukkan perbelanjaan isi rumah meningkat 10.4% setelah mencatatkan penurun -8.7% pada April 2021. Peningkatan disumbang terutamanya oleh kenaikan 26.0% dalam pembelian barang-barang pembuatan setelah semua perniagaan dibuka semula pada 19 Mei 2021. Belanja pakaian dan tekstil melonjak 149.2%. Pembelian barang tahan lama meningkat 11.3% dan perbelanjaan untuk barang rekreasi meningkat 15.2%. Perbelanjaan untuk tenaga meningkat 2.6% setelah kekal tidak berubah pada bulan-bulan sebelumnya. (RTT)
- CHINA: **Sektor Pembuatan China perlahan akibat kekurangan bekalan.** Pertumbuhan sektor Pembuatan China pada bulan Jun 2021 merosot ke paras terendah empat bulan kerana kos bahan mentah yang lebih tinggi, kekurangan semikonduktor, wabak COVID-19 di wilayah eksport utama China, Guangdong, dan gangguan rantaian bekalan di Asia yang lebih meluas. National Bureau of Statistics melaporkan Indeks Pengurus Pembelian (PMI) pembuatan China menurun sedikit kepada 50.9 berbanding 51.0 pada bulan Mei 2021. Walau bagaimanapun, ia melebihi ramalan penganalisis pada skor indeks 50.8. (Reuters)
- JAPAN: **Output sektor Pembuatan Japan mencatat penurunan terbesar pada Mei 2021.** Output sektor Pembuatan Japan mencatatkan penurunan bulanan terbesar dalam setahun pada bulan Mei 2021, didorong kejatuhan pengeluaran kenderaan. Keluaran Pembuatan merosot -5.9% pada bulan Mei 2021 dari bulan sebelumnya. (Reuters)
- JAPAN: **Pembinaan awal kediaman dan keyakinan pengguna meningkat.** Pembinaan awal kediaman meningkat 9.9% tahun ke tahun pada bulan Mei 2021, berikutan kenaikan 7.1% pada bulan April 2021. Penganalisis ekonomi telah meramalkan kenaikan tahunan 8.3%.

Pembinaan awal kediaman menurun kepada 875,000 pada bulan Mei 2021 daripada 883,000 pada bulan sebelumnya. Data juga menunjukkan bahawa pesanan pembinaan yang diterima oleh 50 kontraktor utama meningkat 7.4% pada bulan Mei 2021. (RTT)

- **HONG KONG: Jualan runcit menyusut pada bulan Mei 2021.** Census and Statistics Department melaporkan jualan runcit Hong Kong meningkat 7.8% tahun ke tahun pada Mei 2021, kadar yang lebih perlahan pada bulan Mei 2021, selepas mencatatkan pertumbuhan 11.0% pada April 2021. Nilai penjualan runcit meningkat 10.5% tahun ke tahun pada bulan Mei 2021, lebih perlahan daripada kenaikan 12.1% pada bulan sebelumnya. Nilai penjualan barang kemas, jam tangan dan jam, dan hadiah berharga meningkat 54.8% tahun ke tahun pada Mei 2021. Penjualan pakaian, kasut dan produk berkaitan meningkat 12.1% dan produk pengguna tahan lama lain meningkat 22.9%. (Reuters)
- **SOUTH KOREA: Pengeluaran industri jatuh pada bulan Mei 2021.** Statistics Korea melaporkan pengeluaran industri South Korea menurun pada kadar yang lebih perlahan pada bulan Mei 2021. Pengeluaran industri turun -0.7% bulan ke bulan pada bulan Mei 2021, susulan penurunan -1.6% pada bulan April 2021. Penganalisis ekonomi menjangkakan kejatuhan -0.8%. Output Pembuatan menurun -1.0% bulan ke bulan pada bulan Mei 2021, menyusuli penurunan -1.6% pada bulan sebelumnya. Pada asas perbandingan tahun ke tahun, pengeluaran perindustrian meningkat 15.6% pada bulan Mei 2021, berikutan kenaikan 12.6% pada bulan sebelumnya. (RTT)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Semua negeri** merekodkan **pertumbuhan negatif** pada tahun **2020**, namun **lapan negeri** merekodkan **kadar pertumbuhan lebih baik berbanding penyusutan 5.6 peratus di peringkat nasional** iaitu WP Labuan (-0.5%), Kelantan (-1.1%), Kedah (-1.7%), Pulau Pinang (-2.1%), Perak (-2.3%), Negeri Sembilan (-3.6%), Johor (-4.6%) dan Selangor (-5.3%). Meskipun pandemik COVID-19 telah memberi impak negatif kepada ekonomi negeri, enam negeri iaitu Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor, Sarawak, Pulau Pinang dan Sabah kekal sebagai penyumbang utama dengan sumbangan sebanyak 72.1 peratus.
2. **PMI menyusut** sebanyak **39.9** pada bulan **Jun 2021** berbanding **51.3** pada bulan **sebelumnya**. Permintaan pengeluaran yang lebih rendah akibat COVID-19 menyebabkan perniagaan melakukan aktiviti pembelian yang sederhana sejak April 2020. Walaupun permintaan menurun, harga input meningkat pada bulan ketiga belas beroperasi pada bulan Jun 2021.
3. **Peruntukan suntikan fiskal** berjumlah **RM83 bilion** adalah untuk **membaiyai lapan pakej rangsangan ekonomi** termasuk **Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)**. Antara bantuan yang disalurkan adalah kelangsungan perniagaan, PEMULIH memperuntukkan keseluruhan RM51.1 bilion dengan RM20 bilion untuk moratorium, jaminan pembiayaan RM20 bilion, pinjaman baharu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) RM4.4 bilion, subsidi upah dan insentif penggajian RM4.2 bilion, geran bantuan serta sokongan lain masing-masing berjumlah RM1 bilion dan RM1.5 bilion.
4. **Bank tidak akan mengenakan faedah terkompaun dan caj penalti lewat bayaran bagi moratorium** enam bulan di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH).
5. **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)** akan menggunakan peruntukan **RM100 juta daripada Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)** bagi pemulihan khas **membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)**. Peruntukan ini akan dimanfaatkan oleh PKS yang dikenal pasti di bawah kategori 'First Close Last Open' daripada sektor perkhidmatan seperti pusat kecantikan dan kesejahteraan diri, gunting rambut, urutan selepas bersalin, pengurusan acara, katering serta kedai buku dan alat tulis, pusat tuisyen, cucian kereta, jahitan serta perabot dan pertukangan kayu. Kelompok ini akan menerima geran bantuan sehingga RM10,000.
6. **Program Transformasi Ekonomi Gerakan Koperasi (Transfer)** memperuntukan sebanyak **RM20 juta** dijangka dapat membantu **memulihkan ekonomi koperasi** yang terjejas menerusi penerokaan peluang baharu.

Program tersebut di bawah Program Pembiayaan Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi serta terdapat tiga program lain antaranya adalah Program Penubuhan Koperasi Prihatin Rakyat (KPR), Program Jualan Koperasi Prihatin Rakyat (JKPR) dan Program Dagang Produk atau Perkhidmatan Koperasi Atas Talian (e-Dapat).

7. **Syarikat penerbangan** di bawah **AirAsia Group** memperkuuh perkhidmatan kargonya di rantau ini dengan **menyediakan ruang kargo** dalam **penerbangannya di Freightchain, rangkaian digital pertama di dunia** untuk kargo udara menggunakan lejar Teknologi blok rantai (*blockchain*). *Freightchain* yang menyediakan platform itu adalah untuk meningkatkan perkhidmatan kapasiti kargo penerbangan AirAsia dan syarikat penerbangan lain. Ia juga menawarkan manfaat yang besar kepada pelbagai perniagaan dalam industri kargo seperti eksport, import dan pengangkutan barang.
8. Langkah **India mengurangkan duti import minyak sawit mentah (MSM)** dijangka **memacu eksport komoditi** itu ke negara pengguna minyak sawit terbesar dunia berkenaan. Penurunan duti import MSM kepada 10 peratus berbanding 15 peratus akan **membuka peluang** kepada **industri tempatan** dan dijangka **meningkatkan eksport MSM ke India** sekali gus memberi manfaat kepada industri tempatan dan pekebun kecil.
9. Jumlah dagangan barang **sarung tangan** mengukuh kepada **4.79 bilion unit** yang bernilai **RM2.63 bilion** daripada 4.73 bilion unit bernilai RM 2.41 bilion. Kenaikan dalam indeks turut berlaku walaupun terdapatnya peningkatan kes harian COVID-19 harian yang telah mencecah 6,000 kes. Mengikut sektor Produk dan Perkhidmatan Perindustrian, indeks meningkat sebanyak 0.38 mata pada 187.33.
10. **Malaysia** boleh **menarik** pelaburan daripada **pelabur dalam industri vape** seterusnya muncul sebagai '**pemain penting**' dalam **pasaran vape global** jika **kerangka peraturan** dapat **dirangka dengan tepat**. Terdapat lebih dari 330 pengilang dan pengimport di negara ini, di mana sekitar 28% sudah mengeksport produk akhir mereka ke luar negara.
11. **Hotel Istana Kuala Lumpur** di Jalan Raja Chulan yang dimiliki oleh Tradewinds Corp Bhd akan **menghentikan operasinya pada 1 September** ini. Sehubungan itu, **skim pemisahan sukarela (VSS)** akan ditawarkan kepada **pekerja yang terkesan**.
12. **Malaysia selaku pengeluar minyak sawit kedua terbesar** di dunia, menghadapi **kekurangan tenaga buruh** sekitar 32 ribu orang **akibat sekatan pandemik COVID-19**. Situasi ini mengakibatkan **kerugian hampir RM10 bilion setahun** berikutan buah sawit masak yang tidak dituai.

13. Perdana Menteri melancarkan **portal MyAssist MSME**, sebuah inisiatif kerajaan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi memudahkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) **mendapatkan maklumat perniagaan, khidmat nasihat dan peluang pemasaran secara dalam talian**. Platform ini akan membantu PKS menyelesaikan masalah berkaitan perniagaan dalam norma baharu.
14. **Langkah kerajaan memudahkan prosedur perolehan** di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) akan **membantu sektor pembinaan yang terkesan dengan kenaikan harga bahan binaan** berikutan wabak COVID-19 serta membantu kumpulan B40 di dalam sektor ini. Melalui PEMULIH, Kerajaan akan **membantu kontraktor G1 hingga G4 melaksanakan projek berskala kecil melalui pengundian dan tender**.
15. **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)** akan **meneliti semula pelaksanaan mekanisma pembayaran mikro kredit**. Inisiatif ini dijangka **mensasarkan perusahaan mikro di dalam sektor perkhidmatan tidak perlu** seperti spa, refleksologi, kedai gunting rambut, penjagaan *post-natal*, pengurusan acara, *catering*, kedai buku dan alat tulis yang terjejas teruk dengan pelaksanaan PKP. Kerajaan telah **memperuntukkan RM100 juta kepada TEKUN**, agensi di bawah MEDAC untuk **membantu pemulihan perusahaan mikro dan RM20 juta untuk membantu sektor koperasi**.
16. **Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)** merupakan **inisiatif menyeluruh dan saling melengkapi** memandangkan semua golongan tidak kira B40 mahupun M40, menerima manfaat menerusi pakej yang diumumkan tersebut. BPR tambahan RM2.1 bilion mula dibayar 30 Jun 2021.
17. Di bawah pakej PEMULIH bernilai RM150 bilion, Kerajaan akan melaksanakan **program kawalan harga berdasarkan nilai ambang minyak sawit mentah** untuk **mengawal harga minyak masak dalam botol dan pek polibeg**. Dengan pelaksanaan subsidi ini, minyak masak 5 kg tidak akan berharga lebih dari RM30 sebotol.
18. Rekod daripada KWSP mencatatkan bahawa **3.7 juta daripada 12.4 juta pencarum yang layak memohon i-Citra memiliki simpanan di bawah RM5,000**. I-Citra yang diumumkan tidak akan membatalkan baki bayaran i-Sinar.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 29 Jun 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>RM100 juta untuk pemulihan khas PKS</p> <p>Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) akan menggunakan peruntukan RM100 juta daripada Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulih Ekonomi (PEMULIH) bagi pemulihan khas membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS).</p> <p>Peruntukan digunakan bagi membantu 90 peratus PKS yang mengusahakan perniagaan barang dan perkhidmatan bukan bidang perlu atau dikategorikan '<i>First Close, Last Open</i>' (FCLO) iaitu paling awal tidak beroperasi namun menjadi terakhir untuk dibuka kembali. Antara sektor yang telah dikenal pasti adalah pusat kecantikan dan kesejahteraan diri, gunting rambut, urutan selepas bersalin, pengurusan acara, katering serta kedai buku dan alat tulis, pusat tuisyen, cucian kereta, jahitan serta perabot dan pertukangan kayu.</p> <p>Dana tersebut akan memberi manfaat kepada 10,000 usahawan FCLO dengan setiap mereka bakal diberikan geran hingga RM10,000 menerusi program yang dikendalikan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional) dan Institut Keusahawanan Negara Berhad (INSKEN).</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/833514/rm100-juta-untuk-pemulihan-khas-pks

2.	Bernama 29 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Lapan negeri rekod prestasi lebih baik berbanding penguncutan 5.6 peratus KDNK nasional pada 2020</p> <p>Perumbuhan ekonomi Malaysia pada 2020 adalah yang kedua terendah selepas krisis kewangan 1998 dengan merekodkan nilai pengurangan sebanyak RM80.4 bilion berbanding 2019. Meskipun pandemic COVID-19 telah memberi impak negatif kepada ekonomi negeri, enam negeri iaitu Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Johor, Sarawak, Pulau Pinang dan Sabah kekal sebagai penyumbang utama dengan sumbangan sebanyak 72.1 peratus. Semua negeri merekodkan pertumbuhan negatif, namun 8 negeri merekodkan kadar pertumbuhan lebih baik berbanding penurunan 5.6 peratus di peringkat nasional iaitu W.P. Labuan (-0.5%), Kelantan (-1.1%), Kedah (-1.7%), Pulau Pinang (-2.1%), Perak (-2.3%), Negeri Sembilan (-3.6%), Johor (-4.6%) dan Selangor (-5.3%).</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1976931
3.	Berita Harian 30 Jun 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Bantuan tambahan dibayar mulai hari ini</p> <p>Bayaran tambahan untuk Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) kepada 8.4 juta penerima akan dibayar secara berperingkat mulai hari ini membabitkan peruntukan berjumlah RM2.1 bilion mulai 30 Jun hingga 2 Julai secara pengkreditan terus ke akaun bank penerima.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/834064/bantuan-tambahan-dibayar-mulai-hari-ini

		<p>Pembayaran Fasa 1, Fasa 2 dan BPR Tambahan, bantuan tunai yang disediakan sehingga kini kepada hampir 8.4 juta penerima adalah sebanyak RM6.78 bilion.</p> <p>Jangkaan pembayaran Fasa 3 pada September 2021 dianggarkan berjumlah RM2.32 bilion. Secara keseluruhannya, peruntukan berjumlah RM9.1 bilion telah disediakan oleh kerajaan bagi pelaksanaan BPR yang telah dan akan disalurkan kepada golongan B40.</p>	
4.	Sinar Harian 30 Jun 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Pertumbuhan PKS dijangka kembali pulih: PM</p> <p>Pertumbuhan PKS dijangka kembali pulih seiring dengan unjuran pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan.</p> <p>Pertumbuhan ini juga disokong oleh pakej rangsangan ekonomi, PEMULIH yang baru saja diumumkan.</p> <p>Pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi dan Belanjawan 2021 juga dapat membantu meningkatkan aliran tunai PKS.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/147258/BERITA/Nasional/Pertumbuhan-PKS-dijangka-kembali-pulih-PM
5.	Awani 30 Jun 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>KBS akan umum inisiatif tambahan bantu golongan belia, sektor sukan terjejas</p> <p>KBS mengumumkan beberapa inisiatif kepada golongan belia dan sektor sukan yang terkesan, termasuk bantuan 'one-off' sebanyak RM3,000 kepada operator dan pengusaha industri sukan.</p>	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kbs-akan-umum-inisiatif-tambahan-bantu-golongan-belia-sektor-sukan-terjejas-305822

		Terdapat beberapa lagi inisiatif melalui PEMULIH yang boleh dimanfaatkan pengusaha industri sukan yang terjejas, antaranya Geran Khas Prihatin 4.0, Program Subsidi Upah 4.0, moratorium, diskaun dan potongan khas cukai.	
6.	Metro 30 Jun 2021 <i>(Non-essential)</i>	RM83b biaya lapan pakej rangsangan Kerajaan memperuntukkan suntikan fiskal berjumlah RM83 bilion untuk membiayai lapan pakej rangsangan ekonomi termasuk Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH). Ia merangkumi suntikan fiskal kerajaan bernilai RM38 bilion tahun lalu manakala baki RM45 bilion lagi untuk tahun ini. bagi tahun ini empat pakej rangsangan yang terbabit merangkumi Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat (Permai) membabitkan suntikan fiskal RM2.8 bilion dan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (Pemerkasa) berjumlah RM9 bilion. Pada tahun 2020, suntikan fiskal berjumlah RM5 bilion diperuntukkan untuk Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi tambahan (Pemerkasa Tambahan) dan PEMULIH berjumlah RM10 bilion. Bagi menyokong kelangsungan perniagaan, PEMULIH memperuntukkan keseluruhan RM51.1 bilion dengan RM20 bilion untuk moratorium, jaminan pembiayaan RM20 bilion, pinjaman baharu perusahaan	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/06/724459/rm83b-biaya-lapan-pakej-rangsangan

		kecil dan sederhana (PKS) RM4.4 bilion, subsidi upah dan insentif penggajian RM4.2 bilion, geran bantuan serta sokongan lain masing-masing berjumlah RM1 bilion dan RM1.5 bilion.	
Penemuan penting & isu:			
<ol style="list-style-type: none"> 1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) akan menggunakan peruntukan RM100 juta daripada Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemuliharaan Ekonomi (PEMULIH) bagi pemuliharaan khas membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Peruntukan ini akan dimanfaatkan oleh PKS yang dikenal pasti di bawah kategori '<i>First Close Last Open</i>' daripada sektor perkhidmatan seperti pusat kecantikan dan kesejahteraan diri, gunting rambut, urutan selepas bersalin, pengurusan acara, katering serta kedai buku dan alat tulis, pusat tuisyen, cuci kereta, jahitan serta perabot dan pertukangan kayu. Kelompok ini akan menerima geran bantuan sehingga RM10,000. 2. Semua negeri merekodkan pertumbuhan ekonomi negatif pada tahun 2020, namun 8 negeri merekodkan kadar pertumbuhan lebih baik berbanding penyusutan 5.6 peratus di peringkat nasional iaitu WP Labuan (-0.5%), Kelantan (-1.1%), Kedah (-1.7%), Pulau Pinang (-2.1%), Perak (-2.3%), Negeri Sembilan (-3.6%), Johor (-4.6%) dan Selangor (-5.3%). Meskipun pandemik COVID-19 telah memberi impak negatif kepada ekonomi negeri, enam negeri iaitu Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor, Sarawak, Pulau Pinang dan Sabah kekal sebagai penyumbang utama dengan sumbangan sebanyak 72.1 peratus. 3. Tambahan Bantuan Prihatin Rakyat akan diterima bermula pada 30 Jun sehingga 2 Julai 2021 yang melibatkan 8.4 juta penerima dengan peruntukan berjumlah RM2.1 bilion. 4. Sebagai tambahan kepada bantuan yang diumumkan kerajaan melalui PEMULIH, KBS mengumumkan beberapa inisiatif bagi meringankan beban belia dan sektor sukan yang terjejas. 5. Peruntukan suntikan fiskal berjumlah RM83 bilion adalah untuk membiayai lapan pakej rangsangan ekonomi termasuk Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemuliharaan Ekonomi (PEMULIH). Antara bantuan yang disalurkan adalah kelangsungan perniagaan, PEMULIH memperuntukkan keseluruhan RM51.1 bilion dengan RM20 bilion untuk moratorium, jaminan pembiayaan RM20 bilion, pinjaman baharu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) RM4.4 bilion, subsidi upah dan insentif penggajian RM4.2 bilion, geran bantuan serta sokongan lain masing-masing berjumlah RM1 bilion dan RM1.5 bilion. 			

Maklumbalas Bahagian:

1. Bantuan kepada PKS sektor perkhidmatan dan isi rumah dijangka dapat membantu mengukuhkan ekonomi negara memandangkan kedua-dua sektor ini merupakan salah satu penyumbang terbesar kepada ekonomi negara. Berdasarkan pada prestasi 2019, PKS sektor perkhidmatan merangkumi 63.3% daripada nilai ditambah KDNK PKS. Manakala bagi isirumah, Perbelanjaan Penggunaan Akhir Swasta menyumbang 59.5% kepada KDNK Negara pada tahun 2020.
2. Inisiatif-inisiatif yang diusahakan oleh pihak KBS kepada golongan belia dan sektor sukan dijangka dapat meningkatkan aliran tunai bagi sektor tersebut, seterusnya meningkatkan aliran tunai negara secara keseluruhan.
3. Pandemik COVID-19 memberi krisis yang mendalam kepada kesihatan dan ekonomi. Pada tahun 2020, ekonomi Malaysia menguncup 5.6 peratus berbanding 4.4 peratus pada tahun sebelumnya. Semua negeri merekodkan pertumbuhan negatif, namun 8 negeri merekodkan kadar pertumbuhan lebih baik berbanding penyusutan 5.6 peratus di peringkat nasional iaitu WP Labuan (-0.5%), Kelantan (-1.1%), Kedah (-1.7%), Pulau Pinang (-2.1%), Perak (-2.3%), Negeri Sembilan (-3.6%), Johor (-4.6%) dan Selangor (-5.3%).
4. Bantuan insentif yang disalurkan oleh kerajaan merupakan salah satu langkah proaktif bagi membantu rakyat dan menyokong perniagaan yang makin suram sepanjang tempoh pelaksanaan PKP. Pada ST1 2021, ekonomi Malaysia merekodkan pertumbuhan marginal negatif 0.5 peratus.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Kewangan			
1.	MyMetro 1 Julai 2021 (Essential)	<p>Bank tidak kenakan faedah terkompaun, caj lewat bayar moratorium</p> <p>Bank-bank tidak akan mengenakan faedah terkompaun dan caj penalti lewat bayaran bagi moratorium enam bulan di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH),</p>	https://www.hmetro.com.my/utama/2021/06/724196/bank-tidak-kenakan-faedah-terkompaun-caj-lewat-bayar-moratorium

2.	Utusan Malaysia 1 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	CBP tawar pembiayaan persendirian kepada pegawai ATM Co-opbank Pertama (CBP) menawarkan pembiayaan persendirian khusus kepada para pegawai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bermula pada 4 Julai ini. Tawaran perkhidmatan itu dibuat bagi meluaskan lagi profil pelanggan CBP terutama daripada ATM yang terdiri daripada Tentera Darat Diraja Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TLDM).	https://www.utusan.com.my/terkini/2021/06/cbp-tawar-pembiayaan-persendirian-kepada-pegawai-atm/
3.	The Edge 1 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	ABM, AIBIM to offer six-month moratorium from July 7 in line with PEMULIH package The Association of Banks in Malaysia (ABM) and Association of Islamic Banking and Financial Institutions Malaysia (AIBIM) said today that their member banks will be offering six-month moratorium from July 7, in line with the government's PEMULIH stimulus.	https://www.theedgemarkets.com/article/abm-aibim-offer-sixmonth-moratorium-july-7-line-pemulih-package
B. Subsektor Kesihatan Swasta			
4.	Harian Metro 29 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	PPV beroperasi 7 hari seminggu jika keperluan mendesak Pusat pemberian vaksin (PPV) hanya akan beroperasi tujuh hari seminggu jika terdapat keperluan yang mendesak, kata Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, Khairy	https://www.hmetrotv.com.my/mutakhir/2021/06/724210/pvv-beroperasi-7-hari-seminggu-jika-keperluan-mendesak-metrotv

		<p>Jamaluddin. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi turut bersetuju meluluskan pembukaan PPV baharu yang berkapasiti 1,000 suntikan setiap hari di Encore, Kota Laksamana di sini, selain tiga lagi PPV di hospital swasta iaitu Hospital Pantai Ayer Keroh, Pusat Perubatan Mahkota serta Pusat Pakar Mata Southern di Bandaraya Melaka.</p> <p>Turut akan dibuka di Melaka adalah 36 PPV General Practitioner (PPVGP) di klinik kesihatan tambahan di negeri itu.</p> <p>Langkah terbabit akan meningkatkan pemberian vaksin kepada 13,000 dos setiap hari secara berperingkat berbanding 7,000 dos ketika ini, termasuk di PPV kawasan industri yang akan diumumkan tidak lama lagi.</p>	
5.	New Straits Times 29 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>KPJ Sabah eyeing to increase vaccine doses to 200 daily</p> <p>KPJ Sabah Specialist Hospital is hoping to increase the number of COVID-19 vaccine doses dispensed from 100 now to 200 a day by next week. KPJ Sabah is among several private hospitals in Sabah to be given the authority to administer vaccinations to the public. 20 KPJ staff assisting in the programme as well as volunteers from our specialist consultants and sister hospital, KPJ Damai.</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2021/06/703429/kpj-sabah-eyeing-increase-vaccine-doses-200-daily

		The hospital's participation in the programme was in response to the Sabah government's plans to get 268,000 people vaccinated under Phase Two of the NIP, focusing on senior citizens, high-risk group with comorbidities as well as the disabled.	
6.	New Straits Times 30 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Contract healthcare workers' issue to be raised in Cabinet</p> <p>The issue involving contract healthcare workers who are facing job insecurity will be raised and discussed in Cabinet soon. As of May 31, there were 35,216 contract doctors comprising many schemes including 23,077 medical officers, 5,000 dental officers and 7,139 pharmacists.</p> <p>It was reported that a group of local contract doctors will be organising a hartal (protest) to force the government to provide fairer compensation and benefits based on their job scopes. The group consists of contract doctors from both private and public hospitals who identified themselves under the hashtag #HartalDoktorKontrak.</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2021/06/703810/contract-healthcare-workers-issue-be-raised-cabinet
7.	Citizen Journals 1 July 2021 <i>(Essential)</i>	<p>SJMC to provide evening clinics every Thursday</p> <p>Subang Jaya Medical Centre (SJMC) will provide evening clinics every Thursday starting 1 July 2021 to cater for patients who are unable to schedule an appointment earlier in the day. The evening clinics not only</p>	https://cj.my/119858/sjmc-to-provide-evening-clinics-every-thursday/

		<p>provides convenient and hassle-free for those who cannot take time off from work or just have their hands full during the day, but also all medical charges remain the same as the day clinics and parking will be provided free.</p>	
8.	Berita Harian 1 July 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Lebih 850,000 individu divaksin di Selangor</p> <p>Lebih 3.9 juta orang atau 83 peratus penduduk Selangor sudah mendaftar untuk suntikan vaksin COVID-19.</p> <p>Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata sehingga Isnin lalu, hanya 851,118 individu menerima dos pertama, manakala hanya 270,221 lengkap menerima dos kedua.</p> <p>Keadaan ini mendorong kerajaan negeri melancarkan Program Vaksin Selangor (SelVAX). Usaha melengkapkan dan mempercepat proses vaksinasi rakyat dengan mengenal pasti kumpulan sasaran serta memelihara pekerja (SelVAX Industri).</p> <p>Beliau berkata, menerusi program itu, kerajaan negeri mensasarkan tambahan sehingga kapasiti 43,500 dos vaksin sehari melalui lebih 22 pusat pemberian vaksin (PPV), dewan komuniti, PPV bergerak dan klinik dan hospital swasta.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/834232/lebih-850000-individu-divaksin-di-selangor

		<p>Ini akan membabitkan kira-kira 5,000 tenaga kerja perubatan dan bukan perubatan dengan sejumlah 1,228 klinik panel bagi melengkapkan usaha imunisasi di Selangor.</p>	
	C. Subsektor Penginapan		
9.	Sinar Harian 29 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Salur segera inisiatif PEMULIH bantu pulihkan industri pelancongan</p> <p>Inisiatif Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) perlu segera disalurkan kepada penggiat industri bagi memulihkan sektor pelancongan dan kebudayaan negara, kata Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Nancy Shukri.</p> <p>Beliau berkata, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) akan memastikan penyelarasan dan pemantauan terhadap pelaksanaan PEMULIH berjalan lancar agar penggiat industri mendapat manfaat daripada inisiatif itu.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/147014/BERITA/Nasional/Salur-segera-inisiatif-Pemulih-bantu-pulihkan-industri-pelancongan
10.	Malaysiakini 29 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Pemain industri pelancongan gesa dibenar beroperasi pada Fasa 2</p> <p>Persatuan Taman Tema dan Pusat Hiburan Keluarga Malaysia (MAATFA) mendesak kerajaan agar industri pelancongan dan perhotelan dibenarkan kembali beroperasi semasa Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara.</p>	https://www.malaysiakini.com/news/580936

		Dalam satu kenyataan hari ini, persatuan itu mengatakan taman tema, pusat hiburan keluarga, taman permainan, spa kesihatan, pawagam dan tarikan keluarga harus dilayan sama seperti pusat beli-belah, resort dan hotel yang dibenarkan beroperasi di Fasa 2.	
11.	Sinar Harian 30 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Gelembung pelancongan di Pulau Tioman jika capai imuniti kelompok</p> <p>Gelembung pelancongan boleh dilaksanakan di Pulau Tioman sekiranya status imuniti kelompok dicapai di pulau peranginan itu.</p> <p>Exco Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi negeri, Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin berkata, proses vaksinasi di Pulau Tioman akan dipercepatkan bagi memastikan 80 peratus populasi penduduknya divaksin untuk mencapai imuniti kelompok.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/146778/EDISI/Pahang/Gelembung-pelancongan-di-Pulau-Tioman-jika-capai-imuniti-kelompok
12.	Utusan Malaysia 30 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Hotel sedia bank makanan untuk mereka yang memerlukan</p> <p>“Ambil apa sahaja yang diperlukan, jangan malu”. Demikian pesanan Pengurus Bahagian Sumber Manusia Hotel Bahang Bay dan Vouk Hotel Suite, Latifah Salim yang bertanggungjawab menyelia bank makanan yang diletakkan di empat cawangan hotel dikendalikan The Blanket Hotel Sdn. Bhd. itu.</p>	https://www.utusan.com.my/terkini/2021/06/hotel-sedia-bank-makanan-untuk-mereka-yang-memerlukan/

		Menurut Latifah, bank makanan berkenaan yang dimulakan awal bulan ini merupakan inisiatif The Blanket Hotel bagi membantu pekerja industri perhotelan serta orang ramai yang memerlukan bantuan makanan ketika pandemik COVID-19.	
	D. Subsektor Perkhidmatan Lain		
13.	Utusan 1 Julai 2021 (<i>Non-Essential</i>)	<p>Sabah okey, kenapa kami tidak boleh?</p> <p>Moratorium sahaja tidak mencukupi, sebaliknya tukang gunting rambut merayu kepada kerajaan mengikut jejak langkah Sabah membenarkan kedai gunting rambut beroperasi semula.</p> <p>Tindakan kerajaan negeri Sabah itu menunjukkan keyakinan dan keprihatinan terhadap industri gunting rambut dan tidak mengukur kepada jumlah keseluruhan angka kes COVID-19.</p>	https://www.utusan.com.my/berita/2021/07/sabah-okey-kenapa-kami-tidak-boleh/?fbclid=IwAR1vZeJX6yQjTDqyek3Q4Ba8prl-iD-VFHXEbruhFiSCUZ9ysmJ8_uyfSB8
14.	Utusan 30 Jun 2021 (<i>Non-Essential</i>)	<p>Pahang: 100 jemaah solat Jumaat di masjid negeri dan daerah</p> <p>Pahang membenarkan seramai 100 jemaah menunaikan solat Jumaat dalam satu masa di Masjid Negeri dan daerah di negeri ini.</p> <p>Pihak pengurusan masjid dan surau dibenarkan menambah bilangan jemaah solat dengan mengemukakan permohonan.</p>	https://www.utusan.com.my/berita/2021/06/pahang-100-jemaah-solat-jumaat-di-masjid-negeri-dan-daerah/

15.	<p>Berita Harian 30 Jun 2021 (<i>Non-Essential</i>)</p>	<p>Perlis benarkan solat jemaah di masjid mulai esok</p> <p>Aktiviti solat berjemaah di masjid seluruh Perlis dibenarkan dilakukan bermula esok namun dengan kapasiti maksimum mengikut saiz sesuatu masjid sahaja.</p> <p>Perkara berkenaan dilaksanakan berdasarkan situasi semasa penularan COVID-19 di Perlis yang dilihat semakin terkawal serta pematuhan prosedur operasi standard (SOP) sedia ada oleh masyarakat Perlis.</p>	<p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/833782/perlis-benarkan-solat-jemaah-di-masjid-mulai-esok</p>
-----	--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Bank tidak akan mengenakan faedah terkompaun dan caj penalti lewat bayaran bagi moratorium enam bulan di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH).
2. Moratorium automatik di bawah Program PEMULIH ini tiada lagi syarat dikenakan seperti pengurangan pendapatan.
3. Kerajaan telah meluluskan pembukaan PPV baharu yang berkapasiti 1,000 suntikan setiap hari di Encore, Kota Laksamana selain tiga lagi PPV di hospital swasta iaitu Hospital Pantai Ayer Keroh, Pusat Perubatan Mahkota serta Pusat Pakar Mata Southern di Bandaraya Melaka. Turut akan dibuka di Melaka adalah 36 PPV General Practitioner (PPVGP).
4. KPJ Sabah yang merupakan antara beberapa hospital swasta di Sabah yang diberi kuasa untuk mentadbir vaksinasi di Sabah berharap dapat meningkatkan jumlah dos vaksin COVID-19 daripada 100 sekarang kepada 200 sehari pada minggu depan.
5. Kerajaan negeri Selangor melancarkan Program Vaksin Selangor (SelVAX) sebagai usaha melengkapkan dan mempercepat proses vaksinasi rakyat. Menerusi program SelVAX, kerajaan negeri mensasarkan tambahan sehingga kapasiti 43,500 dos vaksin sehari melalui lebih 22 pusat pemberian vaksin (PPV), dewan komuniti, PPV bergerak dan klinik dan hospital swasta.

6. Terdapat hotel menjalankan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan menyediakan bank makanan di dalam hotel bagi membantu pekerja industri perhotelan serta orang ramai yang memerlukan bantuan makanan ketika pandemik COVID-19.
7. Antara hotel yang menutup operasi secara penuh ialah Hotel Istana Kuala Lumpur, Hilton Petaling Jaya, Hilton Kuching dan Mutiara Johor Baru.
8. Pemain industri pelancongan menggesa pihak kerajaan agar industri pelancongan dan perhotelan dibenarkan kembali beroperasi semasa Fasa 2 Pelan Pemilihan Negara.
9. Sehingga kini, tiada kluster dibawah kedai gunting rambut. Justeru itu, industri ini berharap mendapat kebenaran untuk beroperasi dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) sebaik mungkin.
10. Aktiviti solat berjemaah di masjid seluruh Perlis dibenarkan bermula esok berdasarkan situasi semasa penularan COVID-19 di Perlis yang dilihat semakin terkawal serta pematuhan prosedur operasi standard (SOP) sedia ada oleh masyarakat Perlis.

Maklumbalas Bahagian:

1. Semakin banyak vaksin diberikan oleh hospital dan klinik swasta yang terlibat dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan. Selain akan turut terlibat dalam Program Vaksin Selangor (SelVAX). Keadaan ini dijangka turut menyumbang kepada peningkatan hasil industri kesihatan pada suku tahun akan datang.
2. Kadar penghunian yang rendah serta penutupan disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 akan memberi kesan pengurangan pendapatan industri perkhidmatan penginapan (55101) untuk tempoh ST2 2021.
3. Pengoperasian semula industri pelancongan semasa Fasa 2 Pelan Pemilihan Negara akan meningkatkan pendapatan perkhidmatan penginapan untuk tempoh ST3 2021.
4. Penutupan operasi kedai gunting rambut akan memberi kesan negatif kepada pendapatan sektor Perkhidmatan Lain. Bahagian akan mengambilkira perkara ini semasa penyediaan statistik pada suku kedua dan ketiga 2021 nanti.

C.	Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Astro Awani 29 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Saham sarung tangan bantu lonjakkan dagangan di Bursa Malaysia</p> <p>Keuntungan yang diraih oleh Hartalega dan Top Glove membantu Bursa Malaysia mengakhiri urus niaga berada di dalam zon positif.</p> <p>Jumlah dagangan mengukuh kepada 4.79 bilion-unit bernilai RM2.63 bilion daripada 4.73 bilion unit bernilai RM 2.41 bilion.</p> <p>Kenaikan dalam indeks turut berlaku walaupun terdapatnya peningkatan kes harian COVID-19 harian yang telah mencecah 6,000 kes. Mengikut sektor Produk dan Perkhidmatan Perindustrian, Indeks meningkat 0.38 mata pada 187.33.</p>	https://www.astroawani.com/berita-bisnes/saham-sarung-tangan-bantu-lonjakkan-dagangan-di-bursa-malaysia-305772
2.	New Straits Times 30 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Vape sector can be an economic game-changer for Malaysia, says economist</p> <p>Malaysia can emerge as significant player in the global vape market with the right regulatory framework to draw investment from investors in the vape industry.</p> <p>According to the Malaysian Vape Chamber of Commerce, there are more than 330 manufacturers and importers in the country, of which some 28% are already exporting their end products overseas.</p>	https://www.nst.com.my/business/2021/06/703438/vape-sector-can-be-economic-game-changer-malaysia-says-economist

Penemuan penting & isu:

1. Jumlah dagangan barang sarung tangan mengukuh kepada 4.79 bilion unit yang bernilai RM2.63 bilion daripada 4.73 bilion unit bernilai RM 2.41 bilion. Kenaikan dalam indeks turut berlaku walaupun terdapatnya peningkatan kes harian COVID-19 harian yang telah mencecah 6,000 kes. Mengikut sektor Produk dan Perkhidmatan Perindustrian, indeks meningkat sebanyak 0.38 mata pada 187.33.
2. Malaysia boleh menarik pelaburan daripada pelabur dalam industri vape seterusnya muncul sebagai ‘emain penting’ dalam pasaran vape global jika kerangka peraturan dapat dirangka dengan tepat. Terdapat lebih dari 330 pengilang dan pengimport di negara ini, di mana sekitar 28% sudah mengeksport produk akhir mereka ke luar negara.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport sarung tangan getah bagi April 2021 adalah RM6,698 juta dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM303.0 juta atau 4.7 peratus bulan ke bulan. Volum eksport bagi sarung tangan getah adalah 90.8 ribu tan metrik dan mencatatkan peningkatan sebanyak 2.15 ribu tan metrik atau 2.4 peratus. Amerika Syarikat merupakan destinasi utama eksport sarung tangan getah dengan nilai eksport bagi April adalah RM 2,545.1 juta diikuti Jerman (RM469.8 juta) dan Jepun (RM381.1 juta).
2. Nilai eksport bagi *HS Code 8543709010; electrical machines and apparatus, having individual functions, not specified or included elsewhere in this chapter.other machines and apparatus: other than electric fence energisers, remote control apparatus, other than radio remote control apparatus, electrical machines and apparatus with translation or dictionary functions and equipment for the removal of dust particles or the elimination of electrostatic charge during the manufacture of printed circuit boards/printed wiring boards or printed circuit assemblies; machines for curing material by ultra-violet light for the manufacture of printed circuit boards/printed wiring boards or printed circuit assemblies electronic cigarettes and similar personal electric vaporising devices* bagi April 2021 adalah RM390,110 dan menunjukkan penurunan sebanyak RM604,865 atau 61 peratus berbanding bulan sebelumnya.

D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Free Malaysia Today 30 June 2021 <i>(non-essential)</i>	<p>Let us operate under strict SOPs, plead property, real estate sectors</p> <p>A group representing some 15,000 professionals in the property and real estate sectors has urged the government to allow them to operate during the movement control order but under strict SOPs.</p> <p>They said the MCO has halted the operations of most firms in the industry which are SME businesses.</p>	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2021/06/30/let-us-operate-under-strict-sops-plead-property-real-estate-sectors/
2.	The Edge 1 July 2021 <i>(essential)</i>	<p>Power Root temporary shuts Johor factory following COVID-19 cases</p> <p>Power Root Bhd said it has temporarily halted operations at its plant in Johor to conduct sanitisation work to prevent the spread of COVID-19.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/power-root-temporary-shuts-johor-factory-following-covid19-cases
3.	The Edge 1 July 2021 <i>(essential)</i>	<p>IHS Markit Malaysia Manufacturing PMI slumps as business confidence hits lowest reading on record</p> <p>IHS Markit said the country's manufacturing sector lost considerable momentum at the end of the second quarter of 2021 (2Q21) as COVID-19 infections led to the reintroduction of stricter containment measures to curb the spread of the pandemic.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/ihs-markit-malaysia-manufacturing-pmi-down-399-june-513-may

Penemuan penting & isu:

1. *The Group appealed the government to consider opening up critical sectors such as construction, property and professional services to support SME businesses.*
2. *Power Root (M) Sdn Bhd was instructed to temporarily suspend its operations at its factory located in Taman Perindustrian Plentong in Masai and expected to resume its operations on July 7 or earlier. The sanitisation work is expected to result in the deferment of shipment to its export customers.*
3. PMI menyusut sebanyak 39.9 pada bulan Jun 2021 berbanding 51.3 pada bulan sebelumnya. Permintaan pengeluaran yang lebih rendah akibat COVID-19 menyebabkan perniagaan melakukan aktiviti pembelian yang sederhana sejak April 2020. Walaupun permintaan menurun, harga input meningkat pada bulan ketiga belas beroperasi pada bulan Jun 2021.

Maklumbalas Bahagian:

1. PEMULIH bernilai RM150 bilion adalah bersifat inklusif dan menyeluruh, serta menyantuni setiap lapisan rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Melalui PEMULIH, Kerajaan membantu kontraktor G1 hingga G4 tempatan melaksanakan projek kerja berskala kecil secara undian dan sebut harga. Terdapat hampir 3 ribu projek melibatkan kontraktor utama gred G1-G4 dengan nilai keseluruhan projek lebih daripada RM5 bilion pada suku kedua 2021.
2. Kira-kira 15,000 profesional telah memohon Kerajaan untuk membenarkan SME dalam sektor pembinaan, harta tanah dan profesional untuk beroperasi semasa perintah kawalan pergerakan di bawah SOP yang ketat. SME sektor pembinaan telah menyumbang sebanyak 96.5 peratus bilangan syarikat aktif daripada keseluruhan sektor pembinaan pada tahun 2015.
3. Pemberhentian sementara operasi kilang Power Root (M) Sdn Bhd di Johor sehingga 7 Julai dan pelaksanaan sanisasi kilang mengakibatkan penangguhan pengiriman eksport kepada pelanggannya.
4. Penurunan PMI sehingga 39.9 pada Jun dari 51.3 (bulan sebelumnya) disebabkan kekangan yang dihadapi oleh kilang-kilang pengeluar, kekurangan permintaan daripada pembeli dan gangguan rantai supPLY bekalan yang berpunca daripada batasan pergerakan SOP COVID-19.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Utusan Malaysia 30 Jun 2021 (Essential)	<p>AirAsia perkukuh perkhidmatan kargo</p> <p>Syarikat penerbangan di bawah AirAsia Group memperkuuh perkhidmatan kargonya di rantau ini dengan menyediakan ruang kargo dalam penerbangannya di Freightchain, rangkaian digital pertama di dunia untuk kargo udara menggunakan lejar teknologi blok rantai (<i>blockchain</i>). Perkhidmatan kargo AirAsia dikendalikan oleh syarikat logistiknya, Teleport, pemilik <i>Freightchain</i> yang menyediakan platform itu untuk meningkatkan perkhidmatan kapasiti kargo penerbangan AirAsia dan syarikat penerbangan lain.</p>	https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/06/airasia-perkukuh-perkhidmatan-kargo/
2.	Berita Harian 01 Julai 2021 (Non-Essential)	<p>Eksport sawit negara ke India dijangka melonjak</p> <p>Langkah India mengurangkan duti import minyak sawit mentah (MSM) dijangka memacu eksport komoditi itu ke negara pengguna minyak sawit terbesar dunia berkenaan. Penurunan duti import MSM kepada 10 peratus berbanding 15 peratus berkuat kuasa semalam membuka peluang kepada industri tempatan. Dijangka eksport MSM ke India terus mencatat peningkatan dalam masa terdekat, sekali gus memberi manfaat kepada industri tempatan dan pekebun kecil.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/834293/eksport-sawit-negara-ke-india-diangka-melonjak

Penemuan penting & isu:

1. Syarikat penerbangan di bawah AirAsia Group memperkuuh perkhidmatan kargonya di rantau ini dengan menyediakan ruang kargo dalam penerbangannya di *Freightchain*, rangkaian digital pertama di dunia untuk kargo udara menggunakan lejar Teknologi blok rantai (*blockchain*). *Freightchain* yang menyediakan platform itu adalah untuk meningkatkan perkhidmatan kapasiti kargo penerbangan AirAsia dan syarikat penerbangan lain. Ia juga menawarkan manfaat yang besar kepada pelbagai perniagaan dalam industri kargo seperti eksport, import dan pengangutan barang.
2. Langkah India mengurangkan duti import minyak sawit mentah (MSM) dijangka memacu eksport komoditi itu ke negara pengguna minyak sawit terbesar dunia berkenaan. Penurunan duti import MSM kepada 10 peratus berbanding 15 peratus berkuatkuasa semalam akan membuka peluang kepada industri tempatan dan dijangka meningkatkan eksport MSM ke India sekali gus memberi manfaat kepada industri tempatan dan pekebun kecil.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penyediaan platform untuk meningkatkan perkhidmatan kapasiti kargo penerbangan oleh *Freightchain* menggunakan lejar Teknologi blok rantai (*blockchain*) juga menawarkan manfaat yang besar kepada pelbagai perniagaan lain dalam industri kargo. Ini akan memberi kesan terhadap penyusunan statistik Imbangan Pembayaran terutamanya komponen Pengangkutan. Pada suku pertama tahun 2021, eksport pengangkutan meningkat kepada RM3.4 bilion berbanding RM3.3 bilion pada suku sebelumnya. Sementara, import pengangkutan meningkat kepada RM11.1 bilion berbanding RM10.8 bilion pada suku sebelumnya.
2. Pengurangan duti import minyak sawit mentah (MSM) oleh negara India berkuatkuasa semalam dijangka akan memacu eksport komoditi itu ke negara pengguna minyak sawit terbesar dunia berkenaan. Ini akan membuka peluang kepada industri tempatan dan dijangka meningkatkan eksport MSM ke India. Impaknya akan dilihat pada penyusunan statistik Imbangan Pembayaran terutamanya Akaun barang. Pada suku pertama tahun 2021, Akaun barang mencatatkan lebih RM36.6 bilion berbanding RM42.6 bilion pada suku sebelumnya.

F. Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 29 Jun 2021 (essential)	<p>Moratorium tak jejaskan bank tempatan</p> <p>Kemudahan moratorium yang diumumkan di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) tidak akan memberikan impak besar kepada bank-bank tempatan, memandangkan ia adalah berbentuk pilihan untuk peminjam</p> <p>Jumlah peminjam yang terkesan dijangka tetap sama seperti sebelumnya, justeru penganalisis Hong Leong Investment Bank Research HLIB tidak menjangkakan peningkatan yang besar dalam bantuan kali ini.</p> <p>HLIB menjangkakan terdapat imbangan daripada kesan yang tidak menentu daripada moratorium kali pertama lalu, manakala sektor perbankan sebelum ini mengalami kerugian Standard Laporan Kewangan Malaysia (MFRS) sebanyak RM1.06 bilion bagi setiap bulan penangguhan pinjaman.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/06/833586/moratorium-tak-jejaskan-bank-tempatan
2.	Astro Awani 30 Jun 2021 (Non essential)	<p>Program Transfer bantu pulih ekonomi koperasi terjejas</p> <p>Program Transformasi Ekonomi Gerakan Koperasi (Transfer) di bawah Program Pembiayaan Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi dengan peruntukan</p>	https://www.astroawani.com/berita-bisnes/program-transfer-bantu-pulih-ekonomi-koperasi-terjejas-skm-305957

		<p>RM20 juta dapat memulihkan ekonomi koperasi yang terjejas menerusi penerokaan peluang baharu.</p> <p>Program itu juga antara tiga lagi program lain di bawah Program Pembiayaan Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi diketengahkan SKM dalam memulih dan mempergiatkan semula aktiviti ekonomi koperasi.</p> <p>Antaranya adalah Program Penubuhan Koperasi Prihatin Rakyat (KPR), Program Jualan Koperasi Prihatin Rakyat (JKPR) dan Program Dagang Produk atau Perkhidmatan Koperasi Atas Talian (e-Dapat).</p> <p>Transfer mensasarkan koperasi yang terjejas khususnya dalam sektor pelancongan serta yang tidak dikategorikan sebagai perkhidmatan perlu untuk menceburi bidang perniagaan yang baharu, produktif dan mampu memberikan pulangan yang cepat.</p>	
3.	Berita Harian 1 Julai 2021 (Non essential)	<p>Hotel Istana 'tutup kedai' 1 September ini</p> <p>Hotel Istana Kuala Lumpur di Jalan Raja Chulan yang dimiliki oleh Tradewinds Corp Bhd akan menghentikan operasinya pada 1 September ini.</p> <p>Satu skim pemisahan sukarela (VSS) akan ditawarkan kepada pekerja yang terkesan.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/07/834260/hotel-istana-tutup-kedai-1-september-ini

	<p>Pengurusan terpaksa membuat pilihan yang sukar untuk menutup hotel berkenaan berikutan situasi ekonomi mencabar dicetuskan oleh pandemik COVID-19 yang meningkatkan lagi persaingan sengit dalam industri hospitaliti.</p> <p>Situasi akibat pandemik COVID-19 terus mempengaruhi industri dan kemampuannya untuk mencapai keadaan normal memberi kesan kepada perniagaan, harga, pulangan dan tempahan bilik walaupun ada usaha terbaik. Walaupun sebagai hotel kuarantin, hotel mengalami kerugian operasi bulanan.</p>	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Kemudahan moratorium di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) tidak memberikan impak besar kepada bank-bank tempatan, kerana ia adalah merupakan pilihan untuk peminjam. Manakala dijangka jumlah peminjam yang terkesan adalah sama seperti sebelum ini. Selain itu, sektor perbankan mencatatkan kerugian Standard Laporan Kewangan Malaysia (MFRS) sebanyak RM1.06 bilion bagi setiap bulan penangguhan pinjaman.
2. Program Transformasi Ekonomi Gerakan Koperasi (Transfer) memperuntukan sebanyak RM20 juta dijangka dapat membantu memulihkan ekonomi koperasi yang terjejas menerusi penerokaan peluang baharu. Program tersebut di bawah Program Pembiayaan Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi serta terdapat tiga program lain antaranya adalah Program Penubuhan Koperasi Prihatin Rakyat (KPR), Program Jualan Koperasi Prihatin Rakyat (JKPR) dan Program Dagang Produk atau Perkhidmatan Koperasi Atas Talian (e-Dapat). Selain itu, Transfer menyasarkan koperasi yang terjejas terutama dalam sektor pelancongan serta yang tidak dikategorikan sebagai perkhidmatan perlu, untuk menceburi bidang perniagaan yang baharu, produktif dan meningkatkan sumber pendapatan.

3. Hotel Istana Kuala Lumpur di Jalan Raja Chulan yang dimiliki oleh Tradewinds Corp Bhd akan menghentikan operasinya pada 1 September ini. Sehubungan itu, skim pemisahan sukarela (VSS) akan ditawarkan kepada pekerja yang terkesan. Pengurusan membuat pilihan yang sukar untuk menutup hotel berkenaan berikutan situasi ekonomi mencabar dalam kemelut pandemik COVID-19. Situasi akibat pandemik COVID-19 terus mempengaruhi industri dan kemampuannya untuk mencapai keadaan normal memberi impak kepada perniagaan, harga, pulangan dan tempahan bilik. Walaupun sebagai hotel kuarantin, hotel mengalami kerugian operasi bulanan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penerokaan perniagaan baharu melalui platform Program Transformasi Ekonomi Gerakan Koperasi (Transfer) dijangka akan membantu memulihkan ekonomi syarikat koperasi di Malaysia selari dengan norma baharu. Justeru, transformasi ini dijangkakan dapat memberi peluang baharu kepada peniaga untuk terus bertahan menjana pendapatan dalam tempoh penularan pandemik yang berlanjutan ini. Selain itu, Transfer memberi impak kepada rantai bekalan dalam pasaran, dan mendorong kepada peluang pekerjaan.
2. Sektor pelancongan terjejas teruk akibat daripada penutupan sempadan dan larangan merentas negeri ekoran penularan wabak COVID-19 sehingga menyebabkan penutupan hotel. Penutupan hotel ini dijangka akan meningkatkan kadar pengangguran terutamanya bagi sektor pelancongan. Namun skim pemisahan sukarela (VSS) yang ditawarkan kepada pekerja yang terkesan dengan persetujuan bersama, majikan akan menciptakan satu pakej bayaran dan pekerja dibayar ganjaran kerana meletakkan jawatan itu. Insentif tersebut dijangka dapat membantu pekerja untuk meneruskan kelangsungan hidup sebelum memperoleh pekerjaan baharu.

G. Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Metro Online 29 Jun 2021 (Essential)	PEMULIH bantu semua golongan Dana sebanyak RM150 bilion yang diumumkan dalam Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi disasarkan agar dapat membantu rakyat	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/724146/pemulih-bantu-semua-golongan

		<p>miskin dan mereka yang kehilangan pekerjaan meneruskan kelangsungan hidup dikala negara dilanda wabak COVID-19. Peruntukan sebanyak RM300,000 akan diberikan kepada semua Ahli Parlimen bagi tujuan pelaksanaan bantuan bakul makanan. Golongan M40 juga menerima manfaat pinjaman moratorium secara automatik tanpa syarat daripada pakej ini.</p>	
2.	Kosmo 29 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>3.7 juta pencarum layak i-Citra, simpanan kurang RM5,000</p> <p>Inisiatif i-Citra dijangka dapat membantu pencarum yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Seramai 3.7 juta pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) layak untuk memohon i-citra dengan mempunyai simpanan kurang daripada RM5,000. Permohonan membuat pengeluaran tertakluk kepada baki simpanan pencarum.</p>	https://www.kosmo.com.my/2021/06/29/3-7-juta-pencarum-layak-i-citra-simpanan-kurang-rm5000/
3.	The Sun Daily 29 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>'Look beyond basic needs in affordable housing'</p> <p>Assuming people who are living in their own house or property doesn't put them in experiencing comfort with their living conditions. There are families with 10 to 12 household living in small flat and struggling to put a decent meal on the table. Usually properties developer are catering to a middle-to-upper class household and people with low income couldn't afford to buy a property at a decent price.</p>	https://www.thesundaily.my/local/look-beyond-basic-needs-in-affordable-housing-AA8013736

		<p>People living in the urban are facing high cost of living and forcing people to buy or rent property that are affordable despite the quality and location. The pandemic has push those in M40 group slums into B40. Poverty are increasing and we may overlook things lightly.</p>	
4.	Berita Harian 29 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>2.9 juta pengguna terima manfaat diskaun elektrik 40 peratus</p> <p>Seramai 2.9 juta pengguna elektrik domestik di semenanjung Malaysia yang menggunakan elektrik bulanan sebanyak 200-Kilowatt jam (kWJ), bakal menikmati diskaun 40 peratus.</p>	https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2021/06/833406/29-juta-pengguna-terima-manfaat-diskaun-elektrik-40-peratus
5.	Astro Awani 29 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>80 penjual ikan Pasar Besar Kuantan tutup kedai</p> <p>Seramai 80 penjual ikan di Pasar Besar Kuantan tidak dapat meneruskan perniagaan kerana ketiadaan bekalan ikan susulan penutupan Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuantan pada Rabu lalu.</p>	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/80-penjual-ikan-pasar-besar-kuantan-tutup-kedai-305630
6.	The Star 29 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Cooking oil subsidy will be beneficial to M'sians, says Minister</p> <p>Subsidies for cooking oil under the National People's Well-being and Economic Recovery Package (PEMULIH) by the Government will be beneficial to Malaysians.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/06/29/cooking-oil-subsidy-will-be-beneficial-to-m039sians-says-minister

7.	The Star 30 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	Orang Asli prefer either food vouchers or cash instead <p>The Orang Asli community are relief with the government new announced package and voiced out their opinions in preferring food voucher or cash instead of receiving food basket. This is because some of the food given are near to the expiry date and the items are more or less the same items given. This may give them a much more choice in buying important necessities and other needs. Many people are facing difficulties in providing food for the family during this pandemic.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/06/30/orang-asli-prefer-either-food-vouchers-or-cash-instead
8.	The Star 30 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	Pemulih: A ray of hope for PwDs <p>It is a blessing for the disable community with the assistance that will be given to them under the National People's Well Being and Economic Recovery Package (Pemulih). Programmes will be set up for those who wanted to open up a business but do not have any capital and find it difficult to obtain loans. The life of Persons with Disabilities (PWD) also are challenging during this pandemic as some of them being laid off from work and couldn't afford the cost of living in the city. They too urge the government in setting up more drive-thru vaccination centre to cater PWD in the rural areas which will speed up the process.</p>	https://www.thesunday.my/local/pemulih-a-ray-of-hope-for-pwds-XA8020303

9.	Berita Harian 30 Jun 2021 <i>(Essentials)</i>	Tiada golongan terpinggir, pakej bantuan menyeluruh Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) yang diumumkan kerajaan bersifat menyeluruh dan mampu membantu mengurangkan kesan pandemik kepada golongan terjejas.	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/833765/tiada-golongan-terpinggir-pakej-bantuan-menyluruh
10.	Berita Harian 30 Jun 2021 <i>(Essentials)</i>	Skim internet untuk golongan M40 Rakyat Selangor dari golongan M40 boleh memohon Skim Internet Selangor khusus bagi golongan itu yang ditawarkan kerajaan negeri menerusi Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI).	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/06/833856/skim-internet-untuk-golongan-m40
11.	Berita Harian 30 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	RM3 juta bantu rakyat hilang kerja Kerajaan Negeri Sembilan meluluskan peruntukan sebanyak RM3 juta bagi menyalurkan bantuan tunai sekali beri kepada rakyat negeri itu yang terjejas atau hilang pekerjaan akibat sekatan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun ini.	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/06/833990/rm3-juta-bantu-rakyat-hilang-kerja
12.	Utusan Malaysia 30 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	Capaian Internet di Pendang lancar April 2020 Penduduk di daerah ini bakal mendapat capaian internet dan liputan telekomunikasi yang lebih lancar selepas Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) selesai menaik taraf alat pemancar di sini menjelang April tahun depan.	https://www.utusan.com.my/berita/2021/06/capaian-internet-di-pendang-lancar-april-2022/

13.	Free Malaysia Today 30 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	Harga petrol RON95, diesel kekal, RON97 naik 2 sen Harga runcit petrol RON97 naik manakala harga RON95 dan diesel tidak berubah, berkuat kuasa dari 1 hingga 7 Julai.	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/06/30/harga-petrol-ron95-diesel-kekalan-ron97-naik-2-sen-2/
14.	Berita Harian 1 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	Guna infrastruktur baharu, murah percepat capaian internet Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menyatakan prasarana infostruktur di sekolah bukan lagi kehendak, bahkan menjadi keperluan. Di sebalik hakikat itu, masalah capaian internet di luar bandar dan pedalaman masih menyukarkan proses pendidikan seperti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).	https://www.bharian.com.my/rencana/ko mentar/2021/07/834_192/guna-infrastruktur-baharu-murah-percepat-capaian-internet

Penemuan penting & isu:

1. Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) merupakan inisiatif menyeluruh dan saling melengkapi memandangkan semua golongan tidak kira B40 mahupun M40, menerima manfaat menerusi pakej yang diumumkan tersebut. BPR tambahan RM2.1 bilion mula dibayar 30 Jun 2021.
2. Rekod daripada KWSP mencatatkan bahawa 3.7 juta daripada 12.4 juta pencarum yang layak memohon i-Citra memiliki simpanan di bawah RM5,000. I-Citra yang diumumkan tidak akan membatalkan baki bayaran i-Sinar.
3. Kos untuk membeli atau menyewa rumah menjadikan ramai rakyat Malaysia hidup dalam keadaan yang serba kekurangan dan tiada tempat tinggal kerana hilang punca pendapatan.
4. Seramai 2.9 juta pengguna elektrik domestik di semenanjung Malaysia yang menggunakan elektrik bulanan sebanyak 200-kilowatt jam (kWJ), bakal menikmati diskaun 40 peratus. Seramai 1.4 juta pengguna domestik yang menggunakan elektrik bulanan antara 201kWJ hingga 300kWJ pula akan mendapat diskaun 15 peratus. Selain itu, katanya, seramai 2.4 juta pengguna domestik dengan penggunaan elektrik antara 301kWJ hingga 600kWJ akan menerima diskaun

- 10 peratus. Pengumuman itu memaklumkan mengenai pemberian diskaun bil elektrik secara bersasar kepada pengguna domestik dan bukan domestik di semenanjung dan Sabah.
5. Kira-kira 80 daripada 100 peniaga ikan di Pasar Besar Kuantan tidak dapat bermiaga disebabkan kesukaran mendapatkan bekalan berikutan penutupan Kompleks LKIM. Rata-rata mereka berdepan situasi itu bermula Ahad lalu dan kini tinggal 20 peniaga sahaja yang masih aktif bermiaga dengan menjual ikan sejuk beku. Ini membuktikan walaupun masih terdapat jeti pendaratan nelayan yang lain, antaranya di Beserah dan Pantai Sepat, namun jumlah bekalan dari jeti terbabit tidak dapat memenuhi keperluan peniaga ikan di Pasar Besar Kuantan.
 6. Di bawah pakej PEMULIH bernilai RM150 bilion, Kerajaan akan melaksanakan program kawalan harga berdasarkan nilai ambang minyak sawit mentah untuk mengawal harga minyak masak dalam botol dan pek polibeg. Dengan pelaksanaan subsidi ini, minyak masak 5 kg tidak akan berharga lebih dari RM30 sebotol.
 7. Bantuan secara tunai atau baucer lebih sesuai bagi memudahkan penduduk orang asli untuk membeli kemudahan yang diperlukan.
 8. Golongan kurang upaya juga tidak terlepas daripada menerima bantuan bagi membantu mereka yang kehilangan pekerja sejak penularan COVID-19.
 9. Pakej PEMULIH dilihat sebagai pakej kombo yang memanfaatkan golongan sasar dimana golongan B40 akan mendapat bantuan Khas COVID-19 (BKC), bakul makanan, had siling untuk minyak masak, diskaun elektrik dan subsidi petrol selain menerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR). Manakala golongan M40 dan T20 pula turut menikmati kombinasi inisiatif dan bantuan, sekali gus memastikan tiada individu yang terlepas pandang.
 10. Inisiatif yang dikenali SISM40 itu dilaksanakan dengan kerjasama syarikat telekomunikasi bersepada terkemuka negara iaitu Telekom Malaysia Berhad (TM), melalui perkhidmatan unifi yang mana kerajaan negeri memperuntukkan subsidi internet khusus kepada rakyat dalam kategori M40.
 11. Mereka yang layak memohon adalah pemohon yang masih belum mendapat sebarang pekerjaan semasa permohonan dikemukakan. Pemohon perlu mengemukakan permohonan melalui sistem aplikasi N9 Digital atau melalui laman web <https://www.n9.digital>. Kadar bantuan sekali beri ini adalah sebanyak RM300 tunai yang akan dibuat secara perpindahan atas talian kepada pemohon yang layak dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh kelulusan permohonan.

12. Ahli Parlimen Pendang berkata, capaian dan liputan internet lebih lancar selepas Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) selesai menaik taraf alat pemancar di kawasan ini.
13. Harga runcit petrol RON97 naik sebanyak 2 sen seliter daripada RM2.67 seliter kepada RM2.69 seliter. Harga runcit petrol RON95 kekal pada paras RM2.05 seliter manakala diesel kekal pada paras RM2.15 seliter. Harga baharu itu akan berkuat kuasa dari 1 hingga 7 Julai.
14. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 menyatakan prasarana infrastuktur merangkumi rangkaian jalur lebar internet.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kerajaan menyediakan pelbagai inisiatif bagi membantu rakyat Malaysia yang terkesan untuk meneruskan kelangsungan hidup melalui pelbagai medium. Isu semasa berkaitan kumpulan isi rumah, kemiskinan dan penyaluran bantuan kepada isi rumah akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan pendapatan isi rumah bagi survei HIES yang akan datang.
2. Pengiraan simulasi pendapatan dan kemiskinan 2020 peringkat negeri ditambahbaik dengan merujuk kepada statistik terkini KDNK Negeri 2020 dan statistik gaji upah 2020. Laporan dijangka akan diterbitkan pada minggu keempat Julai 2021.
3. Pemberian diskaun elektrik kepada pengguna domestik sehingga 40 peratus yang diberikan oleh kerajaan melalui PEMULIH dari Julai sehingga September 2021 akan meredakan inflasi bagi subkumpulan Elektrik, gas & bahan api. Subkumpulan ini menyumbang sebanyak 3.2 peratus kepada keseluruhan inflasi. Pada Mei 2021, inflasi subkumpulan ini mencatatkan peningkatan sebanyak 27.6 peratus berikutan penamatan diskaun elektrik yang diberikan kepada pengguna domestik di bawah Pakej Ransangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) bermula April hingga Disember 2020 (Inflasi April 2020: -33.3%).
4. Kesukaran untuk mendapatkan bekalan ikan dijangkakan akan memberi kesan kepada harga pasaran ikan di negeri ini. Pada Mei 2021, subkumpulan Ikan & Makanan Laut mencatatkan peningkatan inflasi sebanyak 3.2 peratus. Sekiranya isu bekalan ikan ini berlarutan, dijangkakan ianya akan terus memberi tekanan kepada subkumpulan ini.
5. Pelaksanaan kawalan harga minyak masak yang akan dilaksanakan oleh kerajaan di bawah PEMULIH akan meredakan inflasi bagi kumpulan Makan

dan Minuman terutama bagi subkumpulan Minyak & Lemak yang menyumbang kepada 0.6 peratus wajaran keseluruhan.

6. Penyediaan inisiatif dan kemudahan internet yang diberikan oleh kerajaan akan meningkatkan capaian isi rumah kepada akses internet dan maklumat ini akan dijadikan sebagai rujukan untuk semakan penemuan survei ICTHS yang akan datang.
7. Kenaikan harga bagi RON97 akan memberi tekanan kepada inflasi bagi subkumpulan Bahan api & pelicir untuk pengangutan persendirian. Walau bagaimanapun, harga RON95 dan Diesel yang kekal tidak berubah dapat meredakan inflasi subkumpulan ini. Pada Mei 2021, inflasi subkumpulan ini meningkat sebanyak 56.1 peratus berbanding negatif 37.0 peratus pada Mei 2020.
8. Tiada kenaikan yuran pengajian semester di Institut Pengajian Tinggi akan memberi kesan kepada indeks subsektor Pendidikan dan inflasi subkumpulan Pendidikan peringkat diploma & ke atas. Dijangkakan indeks bagi subsektor pendidikan akan meningkat tahun ke tahun sebanyak 0.5 peratus manakala inflasi subkumpulan ini kekal tidak berubah.

H. Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 1 Julai 2021 (<i>Non-Essential</i>)	COVID-19: Angka harian meningkat hampiri 7,000 Angka harian kes COVID-19 terus meningkat sehingga menghampiri 7,000, dengan sebanyak 6,988 jangkitan baharu dilaporkan.	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/834322/covid-19-angka-harian-meningkat-hampiri-7000

Penemuan penting & isu:

1. Jumlah kumulatif penularan wabak itu kini mencecah 758,967 kes di Malaysia. Selangor kekal menyumbang angka tertinggi dengan 2,885 jangkitan baharu, diikuti Kuala Lumpur (988), Negeri Sembilan (692), Sarawak (544), Melaka (311), Johor (270), Kedah (250) dan Sabah (232). Semua negeri melaporkan kes baharu, hari ini, dengan hanya Perlis mencatat angka satu digit, iaitu satu jangkitan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun pertama 2021 ialah:

- Jumlah kematian pada suku tahun pertama 2021 direkodkan sebanyak 43,545 kematian, meningkat sebanyak 0.7 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (43,226 kematian);
- Sejumlah 25,076 kematian adalah lelaki sementara 18,469 kematian adalah perempuan;
- Sebanyak 801 kematian disebabkan COVID-19 pada suku tahun pertama 2021, meningkat 70.1 peratus berbanding 471 kematian pada keseluruhan tahun 2020; dan
- Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 285 kematian manakala W.P. Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya 2 kematian dan tiada kematian direkodkan di Perlis.

I.	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 29 Jun 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>400 pelajar redah perjalanan 5km ke puncak bukit demi PdPR</p> <p>Kira-kira 400 pelajar dan penuntut universiti membabitkan lima kampung di Mukim Mambong, Kuala Krai di sini, terpaksa merempuh perjalanan lima kilometer ke puncak bukit Kampung Bahagia, demi mendapatkan capaian internet.</p> <p>Pelajar berkenaan dihantar oleh keluarga atau menunggang motosikal sendiri untuk ke kawasan itu yang mengambil masa 15 minit demi mengikuti pengajaran dan pembelajaran (PdPR) atau pengajian secara dalam talian.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/833565/400-pelajar-redah-perjalanan-5km-ke-puncak-bukit-demi-pdpr

2.	Harian Metro 29 Jun 2021 <i>(Non-Essential)</i>	Segerakan agihan alat peranti PdPR kepada pelajar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu memastikan pengagihan alat peranti di kalangan murid keluarga B40 dapat dilaksanakan dengan efisyen melalui kerjasama syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor korporat. Langkah proaktif dan agresif itu penting bagi menjamin semua murid tidak tercicir pendidikan khususnya dari kelompok rentan.	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/724214/segerakan-agihan-alat-peranti-pdpr-kepada-pelajar
3.	Berita Harian 30 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	Portal MyAssist MSME bantu PKS tangani isu perniagaan Penubuhan Portal MyAssist MSME akan dapat membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menangani permasalahan dan isu berkaitan perniagaan dalam keadaan norma baharu. Portal tersebut menyediakan platform kepada PKS untuk mendapatkan maklumat, khidmat nasihat, bimbingan dan peluang pemasaran secara dalam talian. Portal tersebut merupakan suatu solusi norma baharu bagi keperluan fasilitasi perniagaan di bawah suatu 'One Stop Centre'.	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/833968/portal-myassist-msme-bantu-pks-tangani-isu-perniagaan
Penemuan penting & isu: <ol style="list-style-type: none"> Kira-kira 400 pelajar dan penuntut universiti membabitkan lima kampung di Mukim Mambong, Kuala Krai, Kelantan terpaksa merempuh perjalanan sejauh lima kilometer ke puncak bukit Kampung Bahagia, demi mendapatkan capaian internet. 			

2. KPM perlu memastikan pengagihan alat peranti di kalangan murid keluarga B40 melalui kerjasama syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor korporat dapat dilaksanakan dengan efisien.
3. Penubuhan Portal MyAssist MSME akan dapat membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menangani permasalahan dan isu berkaitan perniagaan dalam keadaan norma baharu.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pelajar memerlukan capaian yang lebih baik untuk mengikuti sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Berdasarkan Laporan MyLocal Stats 2019, peratusan capaian isi rumah terhadap perkhidmatan internet di negeri Kelantan adalah sebanyak 82.1 peratus.
2. Pemberian alat peranti kepada murid keluarga B40 adalah langkah bagi menjamin keberkesanan pelaksanaan PdPR yang perlu diteruskan susulan sekatan pergerakan penuh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Merujuk kepada MyLocal Stats 2019 dan Survei Pendapatan Isi Rumah & Kemudahan Asas 2019, negeri Perak mencatatkan isi rumah B40 tertinggi iaitu 12.7 peratus.
3. Penubuhan Portal MyAssist MSME membuktikan komitmen kerajaan untuk memastikan PKS tempatan terus diperkasa dalam mendepani cabaran semasa. Laporan Survei Sektor Informal 2019 merekodkan bilangan tenaga kerja dalam sektor informal adalah 1.26 juta orang.

J. Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Utusan 29 Jun 2021 (Essential)	1,000 surat kebenaran bantu pekebun nanas laksana aktiviti Sebanyak 1,000 surat kebenaran pergerakan telah dikeluarkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MAFI) menerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) bagi pekebun nanas melaksanakan pelbagai aktiviti pertanian.	https://www.utusan.com.my/terkini/2021/06/1000-surat-kebenaran-bantu-pekebun-nanas-laksana-aktiviti/

2.	Malay Mail 29 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	Agriculture and Food Industries Ministry to play facilitative role to ensure successful implementation of Pemulih, says its minister Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) will continue to play a facilitative role in ensuring the successful implementation of all initiatives under the National People's Well-Being and Economic Recovery Package.	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/06/29/agriculture-and-food-industries-ministry-to-play-facilitative-role-to-ensure/1985921
3.	Sinar Harian 30 Jun 2021 <i>(Essential)</i>	Durian lelong satu plastik RM10 Prihatin terhadap nasib rakyat terjejas akibat COVID-19 mendorong seorang tauke durian di Semat Jal, di sini melelong 60 tan buah 'kayangan' itu serendah harga RM3 sekilogram atau RM10 bagi setiap satu beg plastik bersaiz sederhana.	https://www.sinarharian.com.my/article/147185/EDISI/Durian-lelong-satu-plastik-RM10
4.	Kosmo 1 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	Industri bunga Cameron Highlands lumpuh Industri bunga di tanah tinggi Cameron Highlands 'lumpuh' selepas terkesan teruk akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara.	https://www.kosmo.com.my/2021/07/01/industri-bunga-cameron-highlands-lumpuh/

Penemuan penting & isu:

1. Sebanyak 1,000 surat kebenaran pergerakan telah dikeluarkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MAFI) menerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) bagi membolehkan pekebun nanas melaksanakan pelbagai aktiviti pertanian. Sebanyak 22 tan buah buah nanas telah dibantu dipasarkan oleh LPNM demi memastikan hasil buah terjual seperti biasa dan PKP 3.0 menunjukkan penurunan ketara masalah pasaran oleh pekebun berbanding PKP sebelum ini.

2. *Pemulih initiatives can also help those who are directly affected by the pandemic, especially small and medium enterprises (SMEs) and the B40 group to recover and keep their business viable by continuing to contribute to the country's agro-food industry. The initiative to empower agro-entrepreneurs, especially in rural areas, to use the latest technology under the Agriculture Sector Digitalisation and Transformation programme was also in line the adoption of the fourth industrial revolution (IR 4.0) technology in the agricultural sector. Shop Malaysia Online and Go-eCommerce Onboarding campaigns would be continued, targeting more than 300,000 micro traders, including agro-food entrepreneurs to shift to online business and use e-cash system to penetrate wider markets.*
3. Prihatin terhadap nasib rakyat terjejas akibat COVID-19 mendorong seorang pengusaha durian di Semat Jal, melelong 60 tan buah 'kayangan' serendah harga RM3 sekilogram atau RM10 bagi setiap satu beg plastik bersaiz sederhana. Durian seperti IOI, kucing tidur, ganja, kepala gajah, udang merah, D24, kunyit dan musang king turut dijual dengan harga murah bermula RM20 sehingga paling mahal RM35 sahaja dan laris sebanyak 12 tan durian setiap hari.
4. Industri bunga di tanah tinggi Cameron Highlands 'lumpuh' selepas terkesan teruk akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh Negara. Pekebun yang hanya bergantung kepada pasaran tempatan tidak dapat meneruskan projek tanaman bunga disebabkan tiada permintaan apabila semua majlis rasmi tidak boleh diadakan dalam tempoh yang panjang. terdapat lebih 200 pekebun bunga berskala kecil dan besar di Cameron Highlands yang mana sebanyak 75 hingga 80 peratus pekebun memasarkan keluaran bunga mereka ke luar negara dan selebihnya tempatan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pengeluaran Inisiatif yang diambil oleh pihak MAFI dan LPNM khususnya dalam mencari alternatif untuk memasarkan produk nanas dapat mengurangkan masalah lambakan bekalan yang tidak terjual. Statistik pengeluaran dan penggunaan bagi buah nanas diterbitkan di dalam penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih (SUA) secara tahunan. Pengeluaran hasil pertanian semasa PKP 2021 akan dilihat kesannya pada penerbitan SUA 2022. Pada 2019 SSR nanas adalah 105.5 peratus dan penggunaan per kapita (PCC) adalah 6.7kg/tahun.
2. Inisiatif Pemulih juga bertujuan memastikan sektor pertanian khususnya di peringkat perusahaan kecil dan sederhana dapat terus beroperasi dengan penggunaan teknologi digital yang maju untuk meningkatkan hasil pengeluaran. Disamping itu secara tidak langsung, ia akan memberi manfaat kepada

penduduk bagi mendapat akses kepada makanan; di mana akses kepada makanan merupakan salah satu indikator dalam mengukur kesejahteraan sejagat di bawah Sustainable Development Goals.

3. Penerbitan Statistik Tanaman (Sub-Sektor Tanaman Makanan) 2020, Jabatan Pertanian Malaysia menunjukkan 3 negeri utama bagi pengeluaran Durian iaitu Pahang, Johor dan Sarawak. Pada 2019, Pahang mencatatkan pengeluaran Durian sebanyak 93,060 tan metrik. Durian juga merupakan item yang diliputi dalam penyusunan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih serta Indikator Pertanian Terpilih. Pada 2019, pengeluaran durian adalah sebanyak 377,251.0 tan metrik dengan kadar sara diri sebanyak 105.2 peratus.
4. Industri bunga-bungaan antara industri yang terkesan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Berdasarkan kepada Perangkaan Agromakanan 2019 yang diterbitkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, pengeluaran bunga-bungaan di Malaysia pada 2019 mencatatkan 528,096 keratan. Eksport bunga-bungaan pada 2019 adalah RM 36.9 juta, meningkat berbanding RM30.8 juta pada 2018.

K.	Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Market 1 July 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Malaysia's palm oil industry faces RM10b annual loss due to labour crunch — minister</p> <p>Malaysia, the world second-largest palm oil producer, is facing a labour shortfall of around 32,000 people due to coronavirus restrictions. This issue is estimated to cause around RM10 billion in losses annually due to unharvested ripe palm oil fruits.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/malaysias-palm-oil-industry-faces-rm10b-annual-loss-due-labour-crunch-%E2%80%94-minister
2.	The Edge Market 30 Jun 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Movement approval period for self-employed extended until July 7, says IGP</p> <p>The one-off movement approval permit given to all self-employed individuals, which ended on June 28, is</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/movement-approval-period-selfemployed-extended-until-july-7-says-igp

		<p>automatically extended until July 7. Previously, the police gave such permits to the self-employed like plumbers, maintenance workers, and hawkers for movements during the Movement Control Order (MCO) 3.0.</p> <p>New application must be submitted for movement after July 7 under Phase One of Movement Control of the National Recovery Plan (PPN). Movement approval will be given for 14 days, and they need to re-apply when it (permit) expires.</p>	
3.	The Edge Market 29 Jun 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>PEMULIH will help drive construction sector, benefit B40 group, says Fadillah</p> <p>The government's move to simplify procurement procedures under the National People's Well-Being and Economic Recovery Package (PEMULIH) will help drive the construction sector affected by rising building material prices, following the COVID-19 pandemic, as well as help the B40 group in the sector.</p> <p>Through PEMULIH government would be assisting local G1 to G4 contractors to carry out small-scale work projects via balloting and tenders. The contractors (G1 to G4) can perform the work more effectively and participate in government procurement because they get to deal with</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/pemulih-will-help-drive-construction-sector-benefit-b40-group-says-fadillah

	<p>prices that assure reasonable profits. PEMULIH also allows time extensions or extensions of contract (EOT) of work projects or an extension of contract periods for supply and service contracts, subject to clauses, affected by the implementation of movement control.</p>	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Malaysia selaku pengeluar minyak sawit kedua terbesar di dunia, menghadapi kekurangan tenaga buruh sekitar 32 ribu orang akibat sekatan pandemik COVID-19. Situasi ini mengakibatkan kerugian hampir RM10 bilion setahun berikutan buah sawit masak yang tidak dituai.
2. Kebenaran pergerakan yang diberikan kepada individu yang bekerja sendiri di mana berakhir 28 Jun disambung secara automatik sehingga 7 Julai. Kebenaran tersebut melibatkan mereka yang bekerja sendiri seperti tukang paip, pekerja baikpulih dan penjaja. Permohonan baharu perlu dibuat selepas 7 Julai dengan kelulusan pergerakan akan diberi selama 2 minggu dan perlu memohon semula jika telah tamat tempoh.
3. Langkah kerajaan memudahkan prosedur perolehan di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) akan membantu sektor pembinaan yang terkesan dengan kenaikan harga bahan binaan berikutan wabak COVID-19 serta membantu kumpulan B40 di dalam sektor ini. Melalui PEMULIH, Kerajaan akan membantu kontraktor G1 hingga G4 melaksanakan projek berskala kecil melalui pengundian dan tender.

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan Sorotan Pasaran Buruh ST1 2021, dinyatakan krisis ekonomi lazimnya mempunyai kesan terhadap dinamik pasaran buruh. Begitu juga dengan krisis kesihatan COVID-19 global, tidak terkecuali berdepan dengan kesan terhadap ekonomi. Di Malaysia, kesannya dirasai oleh pasaran buruh dengan kadar pengangguran meningkat kepada 5.1 peratus pada ST2 2020 berbanding dengan purata 3.3 peratus sebelum krisis. Sementara itu, permintaan pekerjaan oleh industri menyusut 2.7 peratus (236 ribu) kepada 8.38 juta berbanding antara 8.6 hingga 8.7 juta sebelum COVID-19.

2. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan April 2021 yang diterbitkan pada 9 Jun 2021 adalah seperti berikut:
- i) Tenaga buruh: 16,094.7 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,352.0 ribu
 - iii) Penganggur: 742.7 ribu
 - iv) Luar tenaga buruh: 7,376.8 ribu
 - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
 - vi) Kadar pengangguran: 4.6 peratus
3. Statistik utama tenaga buruh pada ST1 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
- i) Tenaga buruh: 16,008.4 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,236.5 ribu
 - iii) Penganggur: 771.8 ribu
 - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
 - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
4. Berikut merupakan statistik penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan yang diterbitkan menerusi Laporan Tenaga Buruh bagi tempoh ST1 2021:
- i) Majikan: 491.4 ribu (Sumbangan: 3.2%)
 - ii) Pekerja: 11,941.4 ribu (Sumbangan: 78.4%)
 - iii) Bekerja sendiri: 2,351.8 ribu (Sumbangan: 15.4%)
 - iv) Pekerja keluarga tanpa gaji: 452.0 ribu (Sumbangan: 3.0%)
5. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST1 2021:
- i) Jawatan: 8,437.5 ribu
 - ii) Jawatan diisi: 8,259.6 ribu
 - iii) Kekosongan: 177.9 ribu
 - iv) Pewujudan jawatan: 17.38 ribu
 - v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
 - vi) Kadar kekosongan: 2.1%
6. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST1 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
- i) Pertanian: 1,861 ribu orang (Sumbangan: 12.2%)
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 73 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
 - iii) Pembuatan: 2,594 ribu orang (Sumbangan: 17.0%)
 - iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
 - v) Perkhidmatan: 9,318 ribu orang (Sumbangan: 61.2%)
 - vi) Jumlah: 15,237 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)

7. Guna tenaga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengikut aktiviti ekonomi pada tahun 2019 adalah seperti berikut:
- i) Pertanian: 776 ribu orang (Sumbangan: 10.6%)
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 21 ribu orang (Sumbangan: 0.3%)
 - iii) Pembuatan: 1,192 ribu orang (Sumbangan: 16.3%)
 - iv) Pembinaan: 707 ribu orang (Sumbangan: 9.7%)
 - v) Perkhidmatan: 4,623 ribu orang (Sumbangan: 63.2%)
 - vi) Jumlah: 7,319 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)